

0233

B B850 DEB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN BERSETUJU MEMENUHI SEBAHAGIAN TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM KERANA MAHUKAN NEGARA TERUS BERJALAN DENGAN LICIN DALAM MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG.

KATANYA JIKA PIHAK PEKERJA TERUS MELANCARKAN TINDAKAN PERUSAHAAN KERANA TUNTUTAN MEREKA TIDAK DIPENUHI, YANG PASTI NEGARA DAN KERAJAAN AKAN MENGALAMI KERUGIAN YANG BESAR.

UNTUK MENGELAK KEADAAN SEUMPAMA ITU BERLAKU, KERAJAAN BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN TUNTUTAN ITU, KATANYA SELEPAS MENYAKSIKAN UPACARA MENANDA TANGANI DEKLARASI KERAJAAN DAN CUEPACS/MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN MENGENAI TUNTUTAN PELARASAN GAJI DI BILIK MESYUARAT PERDANA, JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

HASIL RUNDINGAN 20 BULAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK, KERAJAAN BERSETUJU MEMBAYAR PELARASAN GAJI ANTARA \$15 HINGGA \$25 KEPADA KIRA-KIRA 500,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN BAHAGIAN D YANG MELIBATKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN \$125 JUTA SETAHUN KEPADA KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MEMULAKAN UCAPANNYA DENGAN MENGUCAP TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK TERLIBAT KERANA MENGHASILKAN SATU PENYELESAIAN YANG MEMUASKAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN. -- LAGI.

1644MST 06 06 86

B B855 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU SETERUSNYA MENERANGKAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA YANG, MENURUTNYA, SEDANG TERJEJAS AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI DAN KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA.

+SAYA AMAT BERSYUKUR KERANA KEDUA-DUA PIHAK FAHAM AKAN MASALAH YANG DIHADAPI DAN MENERIMA HAKIKAT SEBENAR KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA KEKURANGAN KEWANGAN NEGARA SEKARANG ADALAH AMAT MERUNSIKAN DAN KERAJAAN AKAN MENGHADAPI DEFISIT AKAUN SEMASA BERJUMLAH \$1,400 JUTA TAHUN INI DAN MENINGKAT KEPADA \$4,000 JUTA TAHUN HADAPAN SEKIRANYA EKSPORT NEGARA TERUS BERADA PADA PARAS SEKARANG.

MENGENAI PEMBAYARAN PELARASAN GAJI KEPADA KUMPULAN D SAHAJA, BELIAU BERKATA INI ADALAH KERANA SEMUA PIHAK TERLIBAT MENERIMA HAKIKAT BAHAWA ANGGOTA KUMPULAN ITU YANG MERASAI LEBIH TERTEKAN DENGAN KEMELESETAN ITU.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA TAMBAHAN \$125 JUTA SETAHUN YANG AKAN DIBAYAR KEPADA KUMPULAN D MULAI BULAN INI AKAN TURUT MENINGKATKAN DEFISIT NEGARA YANG DIALAMI SEKARANG. -- LAGI.

1657MST 06 06 86

B 8861 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

+BAGAIMANAPUN KERAJAAN SANGGUP MENANGGUNG BEBANAN INI KERANA
INGIN MELIHAT NEGARA TERUS BERJALAN DENGAN LICIN DALAM USAHA
MENGATASI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG,+ KATANYA.

MENGENAI SARANAN PRESIDEN CUEPACS, ENCIK A. RAGUNATHAN SUPAYA
KERAJAAN BERUSAHA LEBIH TEGAS MENGURANGKAN HARGA BARANGAN KONSUMER
DI PASARAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN
BERUSAHA SUPAYA KOS BARANGAN PENTING DITURUNKAN OLEH PIHAK-PIHAK
BERKENAAN TERMASUK SWASTA.

BELIAU SETERUSNYA MENGGESA PARA PEKERJA MENINGKATKAN KECEKAPAN
DAN PRODUKTIVITI MEREKA SUPAYA MENGELUARKAN BARANGAN DENGAN KOS YANG
RENDAH TETAPI BERMUTU TINGGI BAGI MENANDINGI KELUARAN NEGARA-NEGARA
LAIN.

KATANYA APABILA DAYA PENGELUARAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NAIK, PRODUKTIVITI NEGARA PASTI MENINGKAT DAN INI AKAN MENAMBAH
PENDAPATAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA MELAKSANAKAN DASAR PENSWASTAAN BEBERAPA
JABATAN KERAJAAN TERTENTU SUPAYA BEBANAN MEMBAYAR GAJI OLEH KERAJAAN
SEKARANG DAPAT DIKURANGKAN. -- LAGI.
1729MST 06 06 86

D262

B 8862 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA APABILA KAKITANGAN KERAJAAN BERKURANGAN, KERAJAAN KELAK
AKAN BERUPAYA MENINGKATKAN GAJI KAKITANGANNYA TETAPI MEREKA PULA
HENDAKLAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI KE TAHAP YANG BOLEH MEMESATKAN
LAGI EKONOMI NEGARA.

BAGAIMANAPUN KATANYA, SEBARANG KENAIKAN GAJI TIDAK AKAN TERLALU
TINGGI HINGGA MENGAKIBATKAN KOS PENGELUARAN MELAMBUNG NAIK DAN
MENYUKARKAN USAHA MENJUAL BARANGAN NEGARA.

SEBAGAI CONTOH, KATA PERDANA MENTERI, KOS PENGELUARAN MINYAK
SAWIT NEGARA SEKARANG TERLALU TINGGI BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA
LAIN DAN AKIBATNYA SUKAR UNTUK MENJUAL KOMODITI UTAMA NEGARA ITU. --
BERNAMA.

1731MST 06 06 86